

ANALISIS PROSES I'ĀL DALAM PERKATAAN BAHASA ARAB SEBELUM DIPINJAMKAN KEPADA BAHASA MELAYU

*(Analysis of the I'āl Process in Arabic Words Prior to Being
Loaned to the Malay Language)*

**Azhani Almuddin*
azhaniashani@yahoo.com

Fakulti Bahasa dan Linguistik,
Universiti Malaya.

Muhammad Noor Aidil Lokman
aidilokman93@gmail.com

Pusat Bahasa,
Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs).

Mohd Zaki Abd Rahman
mzakirah@um.edu.my

Fakulti Bahasa dan Linguistik,
Universiti Malaya.

Tajul Aripin Kassin
tajul@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 3 Jun 2019

Sila rujuk: Azhani Almuddin, Muhammad Noor Aidil Lokman, Mohd Zaki Abd Rahman, dan Tajul Aripin Kassin. (2019). Analisis Proses *i'āl* dalam kata bahasa Arab sebelum dipinjamkan kepada bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 19(1), 66-95.

Abstrak

Artikel ini menganalisis dan mentafsirkan perubahan bunyi yang terdapat dalam perkataan bahasa Arab sebelum dipinjamkan dalam bahasa Melayu, perubahan bunyi tersebut dalam kajian Arab secara khusus dikenali sebagai proses *i'āl*. Sesuatu kajian yang mengkhususkan aspek etimologi yang memerlukan rujukan terhadap kamus Arab tentang asal kata dan kata akar sebelum terlaksananya proses *i'āl* dalam bahasa sumber. Pencarian sesuatu perkataan dalam kamus Arab berdasarkan kata akarnya dan bukannya berdasarkan representasi fonetik kata secara langsung. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendedahkan kepada pengguna bahasa Melayu tentang asal usul perkataan yang melibatkan proses *i'āl* dalam kata bahasa Arab sebelum dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini memanfaatkan data sekunder yang diperoleh daripada kamus *Mu'jam Mufradāt al-Ibdāl wa al-i'āl fī al-Quran al-Karīm* dan korpus DBP. Kerangka teoretis fonologi mora digunakan bagi menjelaskan proses fonologi daripada input kepada representasi fonetik. Perubahan bunyi daripada input kepada output dilaksanakan melalui pemanjangan kompensatori hasil daripada pelaksanaan pengguguran, penyukuan semula, pemanjangan dan penyahhubungan, walau bagaimanapun, kajian ini dihadkan penelitiannya kepada aspek pemanjangan sahaja.

Kata kunci: *i'āl*, bahasa Arab, bahasa Melayu, fonologi, mora, representasi fonetik

Abstract

This paper analyses and interprets the changes of sound contained in Arabic words prior to being borrowed by the Malay language, whereby sound changes in the study of Arabic are specifically known as the i'āl process. A study that specializes in the etymological aspects requires reference to Arabic dictionaries and a sound knowledge of word origins and root words in the source language before the i'āl process occurred. This is because the search for a word in the Arabic dictionary is based on its root word and not on the direct phonetic representation of the word. This study is aimed to expose users of the Malay language to the origins of the words in the i'āl process of the Arabic language before being loaned to the Malay language. The study employed secondary data obtained from the Mu'jam Mufradāt al-Ibdāl wa al-i'āl fī al-Quran al-Karīm dictionary and the Malay-language corpus of DBP. This study uses the theoretical framework of moraic phonology to explain the phonological process involved in the input to its phonetic

representation. This study found that the process of sound changes from the input to the output of words occurs through compensatory lengthening as a result of the processes of deletion, resyllabification, lengthening and delinking as the study is limited to researching aspects of lengthening only.

Keywords: i'āl, Arabic language, Malay language, phonology, mora, phonetic representation

PENDAHULUAN

Sesuatu bahasa yang hidup tidak dapat mengelak daripada berlakunya peminjaman kosa kata daripada bahasa lain. Peminjaman tersebut bertujuan untuk memperkaya kosa kata yang sedia ada dalam sesuatu bahasa, atau untuk menyesuaikan dengan kosa kata baharu yang wujud disebabkan perkembangan sesuatu bidang ilmu. Oleh yang demikian, proses peminjaman kata juga turut berlaku dalam bahasa Melayu.

Terdapat sebilangan kosa kata yang dipinjam daripada bahasa lain antaranya termasuklah bahasa Arab, namun tidak dimasukkan maklumat dalam *Kamus Dewan edisi keempat* dengan kependekan “Ar” bagi menunjukkan kata tersebut berasal daripada bahasa Arab, mahupun dalam senarai kata dalam *Kamus Etimologi Bahasa Melayu* (1997).

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan secara kuantitatif oleh Noor Azlina *et al.* (2015, p. 54), sebanyak 1791 perkataan pinjaman bahasa Arab yang terdapat dalam *Kamus Dewan* yang mewakili 6.25%. Daripada jumlah 1791 tersebut, sebanyak 1005 yang sering digunakan dalam pertuturan dan penulisan daripada jumlah keseluruhan yang didedahkan dalam *Kamus Dewan*, manakala jumlah perkataan yang diserap sepenuhnya sebanyak 708, dan diserap separa sebanyak 297 perkataan.

Selain itu, terdapat beberapa kosa kata bahasa Arab yang dipinjam dalam bahasa Melayu diambil daripada representasi fonetik kata bahasa Arab secara terus, namun dalam bahasa sumber yang merujuk bahasa Arab terlebih dahulu berlakunya proses fonologi daripada kata akar kepada representasi fonetik bagi sebahagian kata yang dipinjam. Perubahan bunyi yang terlibat dalam kata tersebut dikenali sebagai proses *i'āl* dalam bahasa Arab.

Walaupun pengetahuan tentang bentuk asal perkataan sebelum dipinjamkan dalam bahasa Melayu tidak menjadi permasalahan kepada penutur natif bahasa Melayu. Namun begitu, kajian yang mengkhususkan

aspek etimologi yang memerlukan rujukan kamus Arab perlu kepada pengetahuan tentang asal kata dan kata akar sebelum terlaksananya proses *i'la'āl* dalam bahasa sumber. Hal ini kerana pencarian sesuatu perkataan dalam kamus Arab berdasarkan kata akarnya dan bukanlah berdasarkan representasi fonetik kata secara langsung. Kebanyakan pencarian sesuatu perkataan bahasa Arab dalam kamus memerlukan pengguna mengetahui kata dasar sesuatu perkataan (Nurul Asyikhin, 2010, pp. 1-2). Oleh itu, dengan mengetengahkan perubahan bunyi yang melibatkan proses *i'la'āl* dalam kata bahasa Arab sebelum dipinjamkan dalam bahasa Melayu, artikel ini cuba menjelaskan rasional perbezaan perkataan yang diketengahkan dalam kamus dengan representasi fonetik kata yang digunakan.

Merujuk pendedahan yang diketengahkan dalam *Kamus Dewan*, perkataan yang diiktiraf sebagai kata pinjaman Arab ditandai dengan kependekan “Ar” pada makna kata tersebut, namun aspek etimologi kata tersebut tidak dibahasakan. Hal ini telah dijelaskan dalam panduan penggunaan *Kamus Dewan* (edisi keempat) bahawa “keterangan etimologi tidak diberikan selengkapnya tetapi sekadar menyatakan bahasa sumber sesuatu perkataan yang telah meresap dalam perbendaharaan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun masih terasa sifat keasingannya tanpa memperhitungkan taraf atau peringkat kemeresapan perkataan yang berkaitan dalam kalangan pengguna bahasa”.

Oleh sebab keterbatasan maklumat *Kamus Dewan*, kajian ini turut merujuk *Kamus Etimologi Bahasa Melayu* (1997) oleh Chong Mun Wah bagi mendapatkan asal usul kata bagi kata pinjaman Arab. Namun begitu, daripada pemerhatian terhadap empat kosa kata yang dipilih secara rawak untuk dianalisis dalam kajian ini, hanya satu perkataan yang diketengahkan, iaitu **dunia** yang berasal daripada bahasa Arab *dunya*. Perkataan *dunya* tersebut merupakan output kata hasil daripada perubahan proses fonologi kata akar. Oleh itu, asal kata tidak diketengahkan dalam penerangan bagi perkataan tersebut.

Bertitik tolak daripada permasalahan di atas, kajian ini dijalankan untuk mendedahkan kepada pengguna bahasa Melayu tentang asal usul perkataan yang melibatkan proses *i'la'āl* dalam kata bahasa Arab sebelum dipinjamkan ke bahasa Melayu. Hal ini kerana bahasa Melayu meminjam perkataan yang telah mengalami perubahan dari aspek fonologi.

SOROTAN KAJIAN KATA PINJAMAN BAHASA ARAB

Peminjaman kata daripada bahasa asing banyak berlaku dalam bahasa Melayu. Antara kata bahasa asing yang dipinjam termasuklah bahasa Arab, Inggeris, dan Sanskrit. Oleh hal yang demikian, banyaklah kajian yang dijalankan bagi meneliti peminjaman kata yang dilihat daripada pelbagai pendekatan.

Antara kajian yang telah membahaskan tentang peminjaman kata khusus bagi bahasa Arab termasuklah penelitian yang telah dijalankan oleh Zaharani, Maizura dan Nor Hashimah (2011) dengan tajuk artikelnya, iaitu "Penyerapan dan Pengubahsuaian Konsonan Arab dalam Bahasa Melayu". Artikel tersebut telah meneliti aspek perubahan fonologi daripada struktur fonetik bahasa Arab yang berubah apabila dipinjamkan dalam bahasa Melayu. Oleh itu, kajian tersebut telah difokuskan pada peminjaman perkataan bahasa Arab dalam bahasa Melayu. Aspek yang menjadi keutamaan dalam kajian tersebut ialah perubahan bunyi pada konsonan.

Permasalahan yang diketengahkan oleh kajian tersebut ialah ketiadaan kesepadanan terhadap konsonan bahasa Arab yang dipinjam dalam bahasa Melayu. Antaranya termasuklah (1) konsonan yang bukan daripada konsonan asli bahasa Melayu diambil dan dijadikan sebagai sebahagian inventori konsonan bahasa Melayu tanpa mengubah apa-apa fitur atau bunyi; (2) konsonan asing itu berubah mengikut kesesuaian atau konsonan tersebut digantikan dengan konsonan asli bahasa Melayu. Kajian tersebut telah menjelaskan proses perubahan pada sesuatu konsonan dengan menggunakan kerangka teori fonologi autosegmental model geometri fitur. Oleh itu, kajian tersebut mengkhususkan perubahan perkataan yang dipinjam daripada bahasa sumber, iaitu bahasa Arab yang dilihat dari aspek perubahan konsonan menurut analisis fonologi autosegmental model geometri fitur. Namun begitu, kajian ini menganalisis perubahan bunyi terhadap sesuatu kata sebelum dipinjamkan dalam bahasa Melayu menggunakan kerangka teoretis fonologi mora.

Seterusnya, kajian yang berkaitan dengan kata pinjaman bahasa Arab yang ditulis oleh Mohd Zulkifli, Ab. Halim dan Radiah (2016) dengan tajuk artikelnya, iaitu "Implikasi Perubahan Ejaan Kata Pinjaman Arab dalam Sistem Tulisan Jawi terhadap Pelajar". Dalam kajian ini, para pengkaji telah membincangkan masalah yang berlaku dalam penggunaan kata pinjaman bahasa Arab dari aspek sistem tulisan Arab dan sistem tulisan Jawi. Tujuan kajian ini untuk memberikan kesedaran kepada

masyarakat tentang kepentingan menulis perkataan Arab yang betul dan tepat dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Oleh itu, kajian tersebut menumpukan aspek kesalahan ejaan kerana melibatkan penulisan Jawi bagi perkataan yang dipinjam, berbanding dengan kajian ini yang melihat dari aspek perubahan fonologi bagi sesuatu perkataan sebelum dipinjamkan ke bahasa Melayu.

Kajian yang seterusnya yang berkaitan dengan peminjaman bahasa Arab ditulis Mohd Hazri, Che Radiah dan Muhd Zulkifli (2017) dengan tajuk kajiannya “Penggunaan Kata Pinjaman Arab dalam Puisi Melayu”. Kajian tersebut telah membincangkan tentang puisi Melayu yang menggunakan kata pinjaman bahasa Arab. Dalam kajian ini penulis berusaha untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek penggunaan kata pinjaman Arab dalam kumpulan puisi Melayu moden. Hasil kajian ini mendapati terdapat dua kategori penggunaan bahasa Arab, iaitu kategori penggunaan yang menepati makna asal dalam bahasa Arab, dan kategori penggunaan yang tidak menepati makna asal bahasa Arab. Oleh itu, kajian tersebut tidak membincangkan aspek perubahan fonologi terhadap perkataan yang dipinjam kecuali dari aspek pengenalpastian sama ada sesuatu perkataan berubah makna daripada bahasa yang dipinjam atau sebaliknya.

Seterusnya, kajian oleh Mohd Alwee dan Mohamad Azrien (2009), yang bertajuk “Perkataan Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan dari Aspek Morfologi”. Kajian tersebut membincangkan aspek morfologi bahasa Arab, sistem pengelasan kata dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu, perubahan bunyi, kesejajaran huruf dalam bahasa Arab dan lain-lain. Kajian tersebut juga tidak mengetengahkan aspek perubahan melibatkan proses fonologi atau asal usul kata sebelum dipinjamkan ke bahasa Melayu, namun tumpuan diberikan pada aspek pembentukan kata.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lepas, beberapa tumpuan yang dilihat daripada pelbagai pendekatan telah dibahaskan, namun aspek asal usul kata belum lagi dibincangkan secara khusus. Pendekatan fonologi yang telah dibahaskan oleh kajian lalu telah ditumpukan terhadap perubahan bunyi daripada representasi fonetik bahasa Arab kepada representasi fonetik bahasa Melayu. Namun begitu, aspek perubahan asal daripada kata akar bahasa Arab kepada representasi fonetik bahasa Arab sebelum dipinjamkan kepada Melayu belum diketengahkan lagi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompangan tersebut.

I‘LĀL

I‘lāl merupakan proses perubahan bunyi yang berlaku dalam struktur kata kerja, mahupun kata nama dalam bahasa Arab. Fenomena *i‘lāl* merujuk perubahan fonem kepada lafaz yang lain. Namun begitu, perubahan tersebut membawa makna yang sama dan tidak berubah. Proses tersebut berlaku terhadap fonem ‘*illāṭ*, iaitu *wāw* /w/, *yā* /j/ dan alif /a:/, serta hamzah /ʔ/ yang menyerupai fonem ‘*illat* dan diikuti oleh perubahan yang kerap (Ibn Ya‘īsy, t.t., p. 10/7). Berdasarkan takrifan yang telah diketengahkan oleh sarjana linguistik Ibn Ya‘īsy, perubahan yang berlaku kepada fonem yang terlibat dalam fenomena *i‘lāl* daripada input kepada output ialah perubahan bunyi yang tidak melibatkan perubahan pada makna kata. Segmen bunyi yang terlibat yang dapat dikategorikan sebagai fenomena *i‘lāl* ialah fonem ‘*illāṭ* yang merujuk *wāw* /w/, *yā* /j/ dan alif /a:/, manakala fonem hamzah /ʔ/ juga dimasukkan dalam fenomena *i‘lāl* kerana ciri yang ada pada hamzah adalah sama dengan ciri yang terdapat pada fonem ‘*illat* lain, iaitu sering berubah-ubah apabila terdapat pada lingkungan tertentu.

Selain takrifan yang mengkhususkan perubahan bunyi, terdapat takrifan lain yang mengetengahkan definisi bagi fenomena *i‘lāl* dengan proses yang terlibat dalam perubahan bunyi bagi fenomena tersebut. Oleh itu, *i‘lāl* dapat ditakrifkan sebagai perubahan yang disasarkan kepada bunyi ‘*illat*. Oleh hal yang demikian berlaku perubahan tersebut dengan pembalikan lingkungan sebahagian bunyi dengan bunyi yang lain, yang dikategorikan sebagai *i‘lāl bi al-qalb*, atau digugurkan terus bunyi ‘*illāṭ* tersebut, dan digolongkan sebagai *i‘lāl bi al-ḥazf*, atau digugurkan sebahagian unsur bunyi ‘*illāṭ* tersebut yang dikenali sebagai *i‘lāl bi al-naql* atau *al-taskīn* (Syāhīn, 1980, p. 167; al-Maqṣūd, 2006, p. 222).

Pembahagian *i‘lāl* dibahagikan kepada tiga proses utama seperti yang berikut (‘Abd al-‘Alīm Ibrāhīm, 1969, p. 7):

- i) Proses pembalikan (قَلْب), misalnya perubahan yang terdapat dalam perkataan إِيمَان yang merupakan input kata kepada output kata إِيمَان [ʔi:ma:n].
- ii) Proses pengguguran (حَذْف), misalnya perubahan yang terdapat dalam input kata مُؤْمِن kepada output kata menjadi مُؤْمِن [muʔmin].
- iii) Proses pemindahan (تَسْكِينُ atau نَقْل), contohnya perubahan bunyi yang berlaku daripada input kata اسْتِقْوَام kepada output kata yang membentuk lafaz اسْتِقَامَة [ʔistiqa:mah].

Pembahagian kepada tiga proses yang dijelaskan di atas ialah hasil daripada pemerian lampau yang dikemukakan oleh ahli morfologi, antaranya termasuklah al-Astirābādhiy (1982). Namun begitu, hasil dapatan analisis kajian yang menggunakan pendekatan morfofonologi, fonologi serta kerangka teoretis fonologi, proses pemindahan tidak wujud tetapi digantikan dengan proses fonologi yang lain.

Sebelum dilihat dari aspek fonologi, fenomena *i'āl* dibincangkan terlebih dahulu menggunakan pendekatan morfologi. *I'āl* merupakan istilah dalam kajian morfologi Arab (Syāhīn, 1980, p. 16), seterusnya dikembangkan dan ditafsirkan menggunakan pendekatan morfofonologi. Hasil perkembangan bidang linguistik, fenomena *i'āl* tidak ketinggalan dilihat menggunakan pendekatan fonologi bagi mentafsirkan aspek perubahan bunyi dalam fenomena tersebut. Pendeskripsian perkataan yang melibatkan proses *i'āl* yang asalnya dilihat dari aspek morfologi perlu ditumpukan pada perubahan dari aspek fonologi (Altakhaineh & Alshamari, 2016, p. 8). Seiring dengan perkembangan teori linguistik terkini, fenomena *i'āl* telah dikembangkan melalui perbincangan berlandaskan kerangka teoretis fonologi. Oleh itu, kajian ini menjelaskan fenomena ini dengan menggunakan kerangka teoretis fonologi mora. Tumpuan diberikan terhadap perkataan bahasa Arab sebelum dipinjamkan kepada bahasa Melayu.

SUKU KATA BAHASA ARAB

Bahasa Arab mengandungi enam pola suku kata (Rubbā', 2000, p. 159). Suku kata bahasa Arab dapat dikategorikan berdasarkan beban suku kata (*weights of syllable*). Terdapat tiga bebanan suku kata bagi bahasa Arab, iaitu suku kata ringan (*light*) yang berpola /KV/ yang merupakan suku kata terbuka, suku kata berat (*heavy*) yang berpola /KV/ merujuk suku kata terbuka, dan /KVK/, iaitu suku kata tertutup, serta suku kata ekstra berat (*superheavy*) yang berpola /KV:K/, /KVKK/ dan /KV:KK/

- | | | | | |
|-------|---------|---|--------|------------|
| (i) | /KV/ | : | فَتَحَ | [fa.ta.ħa] |
| (ii) | /KV / | : | لَا | [la:] |
| (iii) | /KVK/ | : | لَمْ | [lam] |
| (iv) | /KV K/ | : | بَابُ | [ba:b] |
| (v) | /KVKK/ | : | فِكْرُ | [fikr] |
| vi) | /KV KK/ | : | ضَالٌ | [d'a:ll] |

(Watson, 2011, p. 2). Pola suku kata bagi bebanan suku kata ekstra berat sering hadir apabila sesuatu kata dituturkan secara wakaf pada akhir kata. Contoh bagi setiap pola suku kata bahasa Arab adalah seperti yang berikut (Mayhūbī, 2000, p. 169):

Selain bebanan suku kata, terdapat unsur penting yang lazimnya didapati dalam struktur suku kata bahasa Arab, iaitu suku kata ekstrametrikal. Semua kata akar bahasa Arab, sama ada daripada golongan kata nama mahupun kata kerja, posisi di sebelah kanan kata akar pada akhir kata sering diakhiri oleh konsonan yang dianggap sebagai suku kata ekstrametrikal yang ditandai dengan simbol σ dalam kurungan (Kiraz, 1994, p. 12).

Hal ini dikatakan demikian kerana konsonan pada akhir kata boleh menerima apa-apa vokal, manakala vokal tersebut ditentukan berdasarkan maklumat sintaksis, iaitu merujuk posisi sesuatu kata dalam ayat. Konsep ini dinamakan sebagai fleksi, yang terdapat dalam sistem sintaksis bahasa Arab. Fleksi merujuk perubahan keadaan di akhir perkataan disebabkan oleh faktor tertentu (Jawatankuasa Istilah [JKI] Bahasa dan Kesusasteraan Arab, 1996, p. 32). Keadaan ini melibatkan penerimaan vokal aktif yang merujuk tiga vokal pendek /a/, /i/ dan /u/ atau vokal berganda /an/, /in/ dan /un/ pada akhir kata. Penerimaan vokal berganda tersebut dikhususkan pada golongan kata nama sahaja. Jika konsonan akhir kata diikuti oleh vokal yang telah dinyatakan, konsonan tersebut akan berada pada suku kata lain atau menjadi onset suku kata akhir. Hal ini bermakna, apabila sesuatu kata tersebut menerima vokal di akhir kata, maka suku kata ekstrametrikal tersebut akan membentuk satu suku kata lengkap atau suku kata penuh.

Menurut al-Qahtani (2014, p. 40), terdapat tiga pertimbangan yang perlu dititikberatkan ketika membahaskan tentang suku kata bahasa Arab. Pertamanya tidak terdapat suku kata tanpa onset yang bermakna kewujudan onset suku kata merupakan keperluan, kedua onset kompleks tidak dibenarkan walaupun onset dituntut, akhirnya koda sama ada tunggal atau kompleks dibenarkan dalam suku kata bahasa Arab. Onset kompleks tidak dibenarkan wujud kerana struktur kata bahasa Arab menolak gugusan konsonan di awal suku kata, namun menerimanya di akhir kata. Kewujudan gugusan konsonan pada akhir kata didapati apabila sesuatu perkataan diujarkan secara wakaf.

Menurut Aquil (2013, p. 260), secara umumnya suku kata bahasa Arab bermula dengan konsonan, jika sesuatu suku kata dimulai dengan vokal maka vokal tersebut mesti didahului oleh hentian glotis. Unit koda

Jadual 1 Senarai kata pinjaman bahasa Arab.

| Proses pembalikan | | | | | |
|--------------------------|---------------|--------------------|----------------------|-----------|--------------------|
| Bil. | Bahasa Melayu | Input | Bahasa Arab (Output) | Kata Akar | No. Surah dan Ayat |
| 1 | Iman | إيمان /ʔiʔma:n/ | إيمان [ʔi:mā:n] | ن م ء | [2:108] |
| 2 | Doa | دعاء /duʕa:w/ | دعاء [duʕa:ʔ] | و ع د | [2:171] |
| 3 | Bina | بناي /bina:j/ | بناء [binā:ʔ] | ي ن ب | [2:22] |
| 4 | Hawa | هوي /hawaj/ | هوى [hawa:] | ي و ه | [4:135] |
| 5 | Zakat | زكاة /zakawah/ | زكاة [zaka:h] | و ك ز | [2:43] |
| 6 | Solat | صلاة /sʕalawah/ | صلاة [sʕala:h] | و ل ص | [2:3] |
| 7 | Taat | طوعة /tʕawaʕah/ | طاعة [tʕa:ʕah] | ع و ط | [4:81] |
| 8 | Hal | حول /hawala/ | حال [ha:l] | ل و ح | [11:43] |
| 9 | Mati | موت /mawata/ | مات [mā:ta] | ت و م | [2:19] |
| 10 | Mizan | موزان /miwza:n/ | ميزان [mī:za:n] | ن ز و | [6:152] |
| 11 | Dunia | دنوى /dunwa:/ | دنيا [dunjā:] | و ن د | [2:85] |


Proses pemindahan

| Bil. | Bahasa Melayu | Input | Bahasa Arab (Output) | Kata Akar | No. Surah dan Ayat |
|------|---------------|--------------------|----------------------|-----------|--------------------|
| 12 | Maqam | مقام /maqam/ | مقام [māqa:m] | م و ق | [2:125] |
| 13 | Iqamah | إقوام /ʔiqwa:m/ | إقامة [iqamah] | م و ق | [16:80] |

(a) Input

(b) Pengguguran /s/

(c) Output



Rajah 1 Representasi proses pemanjangan kompensatori (Sumber dipetik dan diubahsuai daripada Hayes, 1989: 262)

itu, Rajah 1 juga menunjukkan perbezaan representasi vokal pendek dan vokal panjang. Vokal pendek memiliki satu unit mora yang diwakili oleh segmen μ seperti dalam Rajah 1(a) pada penghubungan vokal rendah /a/ dan vokal tinggi /u/, manakala vokal panjang memiliki dua unit mora yang didominasi oleh satu nodus suku kata yang sama seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1(c) pada perhubungan vokal panjang /a:/.

GENERALISASI UMUM

Senarai generalisasi umum bagi data bahasa Arab menunjukkan proses pemanjangan vokal berlaku terhadap golongan kata kerja dan kata nama. Antaranya termasuklah pada awal kata dasar yang dimulai dengan konsonan hamzah, dan dalam keadaan konsonan hamzah tersebut didahului oleh imbuhan awalan /^h/ (*hamzah al-ta'diyyat*). Proses pemanjangan juga didapati berlaku terhadap kata kerja dan kata nama yang mengandungi bunyi geluncuran /w/ dan /j/, manakala bunyi geluncuran tersebut didahului dan diikuti oleh vokal rendah /a/. Proses pemanjangan vokal juga berlaku terhadap rangkap diftong /aw/, /aj/, /iw/ dan /uj/ dalam input kata yang dimonofong kepada vokal panjang dalam output kata. Selain itu, pemanjangan vokal turut berlaku terhadap perkataan yang mengandungi urutan konsonan yang diikuti oleh bunyi geluncuran /w/ atau /j/, dalam keadaan bunyi geluncuran tersebut diikuti oleh vokal. Terdapat beberapa lingkungan lagi yang membabitkan proses pemanjangan. Namun begitu, kajian ini hanya mewakili empat lingkungan tersebut sahaja. Yang berikut disenaraikan empat lingkungan yang melibatkan proses pemanjangan vokal seperti yang telah dikemukakan pada pernyataan di atas:

KERANGKA TEORETIS

Kajian ini menggunakan kerangka teoretis fonologi mora oleh Hayes (1989). Fonologi mora merupakan kerangka teori fonologi autosegmental yang diperkenalkan oleh Goldsmith (1976). Aspek utama yang menjadi keutamaan dalam fonologi mora ialah unsur mora. Istilah mora merujuk unit yang terlibat dalam penentuan bebanan suku kata. Suku kata ringan memiliki satu unit mora dan suku kata berat memiliki dua unit mora (Clements & Keyser, 1983, p. 77). Menurut Lecerf (1974) dipetik daripada McCarthy (1979, p. 445) suku kata ekstra berat mengandungi tiga unit mora atau lebih.

Fonologi mora dipilih berdasarkan kesesuaiannya dengan data bahasa Arab. Hal ini dikatakan demikian kerana suku kata bahasa Arab tergolong daripada bahasa yang mempunyai bebanan suku kata. Selain itu, aspek perbincangan yang diutamakan dalam kajian ini ialah proses pemanjangan vokal.

Fonologi mora oleh Hayes membincangkan secara terperinci aspek pemanjangan kompensatori. Pemanjangan kompensatori merujuk penghasilan pemanjangan segmen pada representasi fonetik hasil daripada pelaksanaan rumus fonologi (Zaharani & Teoh, 2006, p. 135). Pemanjangan kompensatori merujuk kepanjangan segmen yang terhasil disebabkan oleh proses pengguguran atau pemendekan sesuatu segmen yang berdekatan (Hayes, 1989, p. 260). Pemanjangan kompensatori dapat dilihat sebagai pelibatan semula waktu (*re-timing*) yang berkait antara suku kata, perkataan, atau (dalam sesetengah kes) frasa, berdasarkan beberapa segmen yang tersebar ke kedudukan yang ditinggalkan oleh segmen lain (Clements & Keyser, 1983, p. 77). Oleh itu, proses pemanjangan kompensatori berlaku akibat pelaksanaan proses fonologi lain terlebih dahulu yang terdapat pada sesuatu segmen dalam input kata. Proses pemanjangan tersebut juga berperanan untuk menggantikan tempat sesuatu segmen yang mengalami proses fonologi.

Bagi memperlihatkan representasi fonologi mora dalam menjelaskan proses pemanjangan kompensatori, Hayes telah mengemukakan data daripada bahasa Latin seperti Rajah 1.

Proses pemanjangan kompensatori berlaku dalam representasi fonetik kata hasil daripada pelaksanaan proses pengguguran konsonan /s/ yang terdapat dalam input kata seperti yang dijelaskan dalam Rajah 1(b). Keadaan inilah yang dikatakan bahawa proses pemanjangan kompensatori berlaku akibat pelaksanaan proses fonologi lain terlebih dahulu. Selain

merupakan pilihan kehadiran atau ketidakhadirannya dalam struktur suku kata bahasa Arab. Oleh itu beliau berpendapat bahawa suku kata dasar bahasa Arab ialah berpola KV(K).

DATA KAJIAN

Data bagi perkataan yang mengalami proses *i'āl* dalam kajian ini merupakan data sekunder yang diperoleh daripada kamus *Mu'jam Mufradāt al-Ibdāl wa al-i'āl fī al-Quran al-Karīm* yang dikarang oleh al-Kharrāṭ (1989). Untuk mengesahkan kewujudan senarai kata tersebut dalam al-Quran, kajian ini merujuk *The Quranic Arabic Corpus* pada laman <http://corpus.quran.com/>. Data yang dikategorikan sebagai kata pinjaman Arab dikenal pasti dan dipilih secara manual. Setiap data yang dipilih ditranskripsi terlebih dahulu. Setiap data tersebut sebelum dipinjamkan ke bahasa Melayu yang mengalami proses *i'āl* ditentukan input kata dan kata akarnya dalam senarai data yang dikemukakan. Input kata diperoleh daripada sistem infleksi bahasa Arab, manakala kata akar diperoleh daripada kamus "*Al-Mu'jam al-'Arabīy al-Asāsīy*" yang disusun oleh al-Munazzamaṭ al-'Arabīyyaṭ li al-Tarbīyyaṭ wa al-Thaqāfaṭ wa al-'Ulūm (1988). Bagi menyemak kewujudan senarai kata tersebut dalam bahasa Melayu, kajian merujuk korpus DBP (Dewan Bahasa dan Pustaka) pada pautan <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/>. Jadual 1 memaparkan senarai perkataan yang dikenal pasti mengalami proses *i'āl* sebelum dipinjamkan kepada bahasa Melayu

Senarai kata dalam Jadual 1 menunjukkan asal kata bagi setiap perkataan bahasa Arab yang dipinjamkan kepada bahasa Melayu. Setiap kata yang dipaparkan di atas mengandungi perubahan fonologi daripada input kata bahasa Arab kepada output kata bahasa Arab sebelum dipinjamkan kepada bahasa Melayu dan dibahagikan berdasarkan proses *i'āl*. Peminjaman bahasa Arab kepada bahasa Melayu jelas diambil daripada representasi fonetik secara langsung setelah pelaksanaan proses fonologi. Daripada keseluruhan perkataan yang disenaraikan pada Jadual 1, hanya empat perkataan yang dilabelkan dengan kependekan "Ar" dalam *Kamus Dewan*. Empat perkataan tersebut ialah *iman*, *zakat*, *mizan* dan *maqam*. Perkataan lain tidak diberikan label, manakala hanya satu perkataan sahaja yang dikemukakan dalam *Kamus Etimologi Bahasa Melayu*, iaitu perkataan *dunia*.

- (1) Proses pemanjangan pada awal kata dasar yang dimulai dengan konsonan hamzah, dan dalam keadaan konsonan hamzah tersebut didahului oleh imbuhan awalan /أ/.

| Bil. | Input | Output | Kata Dasar |
|------|-------------------|-------------------|------------|
| a. | أَثَارٌ /ʔaʔθa:r/ | أَثَارٌ /ʔa:θa:r/ | أَثَر |
| b. | أَذَانٌ /ʔaʔða:n/ | أَذَانٌ [ʔa:ða:n] | أَذَن |
| c. | إِلَافٌ /ʔiʔla:f/ | إِلَافٌ [ʔi:la:f] | أَلَف |
| d. | أُوتِيَ /ʔuʔtija/ | أُوتِيَ [ʔu:tija] | أَتَى |

Daripada senarai kata (1) di atas, pemanjangan vokal berlaku terhadap golongan kata kerja dan juga kata nama. Perubahan yang berlaku adalah pada lingkungan awal konsonan kata dasar.

- (2) Proses pemanjangan berlaku terhadap kata kerja dan kata nama yang mengandungi bunyi geluncuran /w/ dan /j/. Bunyi geluncuran tersebut didahului dan diikuti oleh vokal rendah /a/.

| Bil. | Input | Output | Kata Dasar |
|------|-----------------|---------------|------------|
| a. | عَوَمٌ /ʕawam/ | عَامٌ /ʕa:m/ | ع و م |
| b. | سَجَرَ /sajara/ | سَارَ [sa:ra] | س ي ر |
| c. | دَنَوٌ /danawa/ | دَنَا [dana:] | د ن و |
| d. | أَبَى /ʔabaja/ | أَبَى [ʔaba:] | أ ب ي |

Senarai kata (2) di atas menunjukkan proses pemanjangan yang berlaku pada lingkungan tengah kata dan di akhir kata, jika bunyi geluncuran /w/ atau /j/ diapit oleh vokal rendah /a/.

- (3) Proses pemanjangan vokal berlaku terhadap rangkap diftong /aw/, /aj/, /iw/ dan /uj/ dalam input kata yang dimonofong kepada vokal panjang dalam output kata.

Senarai kata (3) menunjukkan proses pemanjangan berlaku terhadap kata nama bagi perubahan di akhir kata yang melibatkan rangkap diftong /aw/ dan /aj/, manakala bagi rangkap diftong /iw/, pemanjangan vokal terlaksana bagi golongan kata nama sama ada didahului oleh imbuhan awalan atau tanpa imbuhan awalan, apabila perkataan tersebut

| Bil. | Input | Output | Kata Dasar |
|------|-------------------|-------------------|------------|
| a. | سَنَو /sanaw/ | سَنَا [sana:] | س ن و |
| b. | أَدَى /ʔaðaj/ | أَدَى [ʔaða:] | أ ذ ي |
| a. | رُوح /riwh/ | رِيح [ri:h] | ر و ح |
| c. | مِوثَاق /miwθa:q/ | مِثَاق [mi:θa:q] | و ث ق |
| d. | طَبِي /tʰujba / | طَوْبَى [tʰu:ba] | ط ي ب |

mengandungi rangkap diftong /iw/ dalam urutan segmen pada input kata di lingkungan suku kata pertama. Rangkap diftong /uj/ dimonoftong kepada vokal panjang jika sesuatu kata nama mengandungi rangkap diftong /uj/ di lingkungan suku kata pertama.

- (4) Pemanjangan vokal berlaku terhadap perkataan yang mengandungi urutan konsonan yang diikuti oleh bunyi geluncuran /w/ atau /j/, dalam keadaan bunyi geluncuran tersebut diikuti oleh vokal.

| Bil. | Input | Output | Kata Dasar |
|------|-------------------|------------------|------------|
| a. | مَنُوب /maʔwab/ | مَنَاب [maʔa:b] | أ و ب |
| b. | أَزَيَع /ʔazjaya/ | أَزَاع [ʔaza:ya] | ز ي غ |
| c. | تَعْوِض /taywidʕ/ | تَغِيض [tayi:dʕ] | غ ي ض |
| d. | يَحِيْف /jahjif/ | يَجِيْف [jahi:f] | ح ي ف |
| e. | تَزُول /tazwul/ | تَزُول [tazu:l] | ز و ل |


Senarai kata (4) di atas menunjukkan proses pemanjangan yang berlaku terhadap urutan segmen /wa/, /ja/, /wi/, /ji/ dan /wu/ pada input kata dalam golongan kata nama dan kata kerja kepada vokal panjang [a:], [i:] dan [u:].

ANALISIS, DAPATAN DAN PERBINCANGAN


Analisis 1

Analisis proses pemanjangan awal kata dasar yang dimulai dengan konsonan hamzah dalam keadaan konsonan hamzah tersebut didahului oleh imbuhan awalan /أ/ dapat dijelaskan menggunakan kerangka teoretis fonologi mora oleh Hayes (1989). Proses tersebut dapat direpresentasikan seperti Rajah 2.


a. Input: /ʔiʔma:n/ إِيْمَانٌ




b. Pengguguran hentian glotis



c. Pemanjangan vokal



d. Output



Representasi fonetik: [ʔi:mā:n] إِيْمَانٌ

Rajah 2 Proses pemanjangan vokal dalam perkataan /ʔiʔma:n/ إِيْمَانٌ

Representasi fonologi di atas menunjukkan berlakunya proses fonologi daripada input kata /ʔiʔma:n/ إِيْمَان kepada output kata sehingga terhasilnya representasi fonetik [ʔi:mã:n] إِيْمَان. Proses fonologi yang dikemukakan tidak terhad pada perkataan [ʔiʔmã:n] sahaja, malah merangkumi keseluruhan perkataan bahasa Arab yang mengalami proses fonologi yang serupa, dan melibatkan perubahan pada lingkungan yang sama seperti yang dikemukakan dalam senarai kata (1) pada bahagian generalisasi umum.

Representasi input dalam Rajah 2(a.) menunjukkan bahawa tingkat representasi fonologi pada tahap tersebut terdiri daripada tingkat suku kata yang diwakili oleh segmen σ , manakala tingkat skeletal diwakili oleh segmen μ , adapun tingkat melodi diwakili oleh vokal dan konsonan.

Oleh itu, vokal tinggi /i/ dan vokal panjang /a/ di tingkat melodi dihubungkan ke nodus mora di tingkat skeletal dan seterusnya ke nodus suku kata di tingkat suku kata yang diwakili oleh segmen σ dan ditandai dengan garis penghubung.

Konsonan hentian glotis /ʔ/ dan konsonan nasal /m/ yang berada pada posisi kiri vokal di tingkat melodi dihubungkan ke nodus suku kata di tingkat suku kata yang ditandai dengan garis penghubung. Konsonan hentian glotis /ʔ/ dihubungkan ke nodus suku kata yang sama dengan vokal tinggi /i/, manakala konsonan nasal /m/ dihubungkan ke nodus suku kata yang sama dengan vokal panjang /a/.

Konsonan hentian glotis /ʔ/ yang berada pada posisi kanan vokal tinggi /i/ di tingkat melodi dihubungkan ke nodus mora di tingkat skeletal dan seterusnya ke nodus suku kata yang sama dihubungkan dengan konsonan hentian glotis /ʔ/ di awal kata dan juga vokal tinggi /i/ di tingkat suku kata yang ditandai dengan garis penghubung. Konsonan tersebut memiliki mora berdasarkan pemberatan melalui posisi (*weight by position*), iaitu berada pada posisi koda bagi suku kata berat yang berpola /KVK/.

Konsonan nasal /n/ yang berada di akhir kata atau di akhir urutan segmen di tingkat melodi dinisbahkan kepada suku kata ekstrametrikal yang menepati kelaziman struktur suku kata bahasa Arab. Oleh itu, konsonan nasal /n/ dihubungkan dengan garis penghubung dari tingkat melodi ke tingkat suku kata yang diwakili oleh segmen (σ) seperti yang diperlihatkan dalam representasi fonologi pada Rajah 2(a.) hingga 2(d.).

Oleh sebab urutan segmen pada suku kata pertama menyalahi struktur suku kata bahasa Arab apabila terdapat dua konsonan hentian glotis dalam satu suku kata yang sama dan diselangi oleh vokal, maka berlakulah proses pengguguran konsonan hentian glotis /ʔ/ yang berada

pada posisi koda suku kata pertama seperti yang diperlihatkan dalam representasi fonologi pada Rajah 2(b.). Keadaan ini terjadi kerana sistem fonologi bahasa Arab tidak membenarkan konsonan awal kata dasar yang dibentuk daripada konsonan /ʔ/ menerima imbuhan awalan /^h/ (*hamzah al-ta'diyyat*) yang diikuti oleh vokal dan ditranskripsi sebagai /ʔ/. Oleh itu, konsonan pertama bagi kata dasar tersebut digugurkan. Keadaan ini juga terdapat dalam bahasa Melayu apabila sesuatu perkataan yang bermula dengan konsonan /p/, /t/, /k/ dan /s/ menerima imbuhan awalan peN- dan meN-, konsonan tersebut akan digugurkan, misalnya perkataan /tarik/ menjadi penarik atau menarik. Namun begitu, dalam bahasa Arab konsonan yang digugurkan ialah hentian glotis (*hamzah*).

Hasil daripada pengguguran konsonan hentian glotis /ʔ/ tersebut telah menyebabkan unit mora yang dimiliki oleh segmen tersebut terapung tanpa pemetaan pada mana-mana segmen di tingkat melodi. Hal ini telah menyebabkan berlakunya pemetaan dari kiri ke kanan dari segmen yang bersebelahan, iaitu vokal tinggi /i/ dan terhasilnya vokal panjang [i:] melalui proses pemanjangan vokal. Pemetaan vokal tinggi /i/ di tingkat melodi kepada dua nodus mora di tingkat skeletal dan didominasi oleh satu nodus suku kata yang sama seperti yang diperlihatkan dalam representasi fonologi Rajah 2(c.) merepresentasikan vokal panjang.

Pemanjangan segmen yang terbentuk hasil daripada pelaksanaan proses fonologi lain, dalam keadaan ini merujuk proses pengguguran konsonan hentian glotis /ʔ/ dikenali sebagai proses pemanjangan kompensatori yang bertujuan untuk mengisi mora yang kosong.


Hasil pelaksanaan proses fonologi terhadap input kata telah menyebabkan perubahan pada struktur suku kata pertama yang asalnya berpola /KVK/ berubah kepada suku kata yang berpola [KV:]. Oleh itu, perubahan tersebut mengubah struktur suku kata tertutup kepada suku kata terbuka tanpa mengubah bebanan suku kata yang masih dikategorikan sebagai berat dan memiliki dua unit mora.

Analisis 2


Analisis proses pemanjangan yang berlaku terhadap perkataan yang mengandungi bunyi geluncuran /w/ dan /j/, manakala bunyi geluncuran tersebut didahului dan diikuti oleh vokal rendah /a/ dapat dijelaskan menggunakan representasi fonologi mora yang diperturunkan seperti Rajah 3.

Representasi fonologi Rajah 3 menunjukkan proses fonologi yang berlaku terhadap input kata /zakawah/ زَكْوَة kepada output kata sehingga


a. Input: /zakawah/ زَكَاةٌ




b. Pengguguran geluncuran




c. Penyukuan semula



d. Pemanjangan vokal



e. Output



Representasi fonetik: [zaka:h] زَكَاةٌ

Rajah 3 Proses pemanjangan vokal /a/ dalam perkataan /zakawah/ زَكَاةٌ.

menghasilkan representasi fonetik [zaka:h] زَكَاةٌ. Representasi fonologi dalam Rajah 3 tidak hanya dikhususkan kepada perkataan yang mengandungi bunyi geluncuran /w/ sahaja, malah turut merangkumi perkataan yang terdiri daripada bunyi geluncuran /j/ seperti yang diketengahkan dalam senarai kata (2) pada bahagian generalisasi umum.

Pada tahap input, vokal rendah /a/ di tingkat melodi dihubungkan ke nodus mora di tingkat skeletal yang diwakili oleh segmen μ , dan seterusnya ke nodus suku kata di tingkat suku kata yang diwakili oleh segmen σ seperti dalam representasi fonologi pada Rajah 3(a.).

Konsonan /z/, /k/ dan bunyi geluncuran /w/ yang berkedudukan di sebelah kiri vokal di tingkat melodi dihubungkan secara langsung ke nodus suku kata di tingkat suku kata yang ditandai dengan garis penghubung. Konsonan /z/ dihubungkan ke nodus suku kata yang sama dengan vokal rendah /a/ yang mengikutinya, manakala konsonan /k/ dihubungkan ke nodus suku kata yang sama dengan vokal rendah /a/ yang mengikutinya, begitu juga bunyi geluncuran /w/ dihubungkan ke nodus suku kata yang sama dengan vokal rendah /a/ yang mengikutinya.

Konsonan /h/ yang terletak pada posisi akhir dalam urutan segmen di tingkat melodi, dihubungkan ke tingkat suku kata yang diwakili oleh segmen (σ) kerana konsonan /h/ dinisbahkan kepada segmen bagi suku kata ekstrametrikal yang lazimnya wujud dalam struktur suku kata bahasa Arab seperti yang diperlihatkan dalam Rajah 3(a.) hingga 3(e.).

Bunyi geluncuran /w/ yang berada pada posisi onsets suku kata ketiga digugurkan seperti yang dipaparkan dalam representasi fonologi dalam Rajah 3(b.) kerana urutan bunyi geluncuran yang didahului dan diikuti oleh vokal rendah /a/ tidak dibenarkan wujud dalam urutan segmen bagi sesuatu perkataan bahasa Arab. Proses tersebut tidak terhad kepada bunyi geluncuran /w/ sahaja, malahan berlaku juga terhadap bunyi geluncuran /j/. Oleh itu, proses tersebut lebih tepat dilabelkan sebagai pengguguran geluncuran secara umum tanpa dikhususkan kepada geluncuran /w/ mahupun /j/.

Proses pengguguran tersebut mengakibatkan suku kata ketiga tidak memiliki onsets, manakala vokal tidak boleh mengambil alih posisi onsets tersebut. Oleh sebab bahasa Arab tidak membenarkan kewujudan suku kata tanpa onsets, maka hal ini telah mendorong berlakunya proses penyukuan semula bagi mematuhi prinsip pematuhan onsets minimal (*minimal onsets satisfaction principle*). Oleh sebab prinsip tersebut tidak membenarkan kewujudan suku kata tanpa onsets dan pembinaan onsets mestilah disempurnakan terlebih dahulu daripada pembentukan koda

(Roca, 1994, p. 145), maka representasi fonologi seperti pada Rajah 3(c.), proses penyukuan semula dilaksanakan dengan menghubungkan vokal yang menjadi segmen tunggal pada suku kata ketiga ke nodus suku kata kedua, iaitu suku kata yang didominasi oleh konsonan /k/ dan vokal rendah /a/. Oleh sebab nodus suku kata yang ketiga tidak lagi dihubungkan kepada mana-mana segmen di tingkat melodi, suku kata tersebut secara sendirinya digugurkan.

Proses penyukuan semula telah menyebabkan terhasilnya urutan vokal yang identikal secara berturutan di tingkat melodi. Maka, urutan vokal /aa/ telah menghasilkan vokal panjang /a:/ dan direalisasikan sebagai vokal panjang [a:] pada tahap output kata melalui proses pemanjangan vokal seperti yang direpresentasikan dalam Rajah 3(d.). Hasil pelaksanaan rumus fonologi di atas turut mengubah struktur suku kata kedua daripada struktur suku kata yang berpola /KV/ yang merupakan suku kata ringan menurut bebanan suku kata kepada suku kata berat yang berpola [KV:], di samping berlaku pengurangan jumlah suku kata serta penambahan bilangan mora pada suku kata tersebut. Penambahan bilangan mora bertepatan dengan pemilikan mora bagi suku kata berat yang memiliki dua unit mora di samping pemetaan vokal kepada dua unit mora bertujuan untuk membezakan representasi vokal panjang dan vokal pendek.


Analisis 3

Proses pemanjangan vokal berlaku terhadap rangkap diftong /aw/, /aj/, /iw/ dan /uj/ dalam input kata yang dimonofong kepada vokal panjang dalam output kata dapat direpresentasikan dengan mengadaptasi fonologi mora yang dapat dijelaskan seperti Rajah 4.


Representasi fonologi Rajah 4 memaparkan pelaksanaan proses fonologi yang berlaku terhadap input kata /miwzam/ مِيْزَانْ kepada output kata sehingga terhasilnya representasi fonetik [mī:zɑ:m] مِيْزَانْ. Representasi fonologi dalam Rajah 4 tidak hanya dikhususkan kepada rangkap diftong /iw/, namun turut merangkumi analisis bagi rangkap diftong /aw/, /aj/ dan /uj/ seperti yang dikemukakan dalam senarai kata (3) pada bahagian generalisasi umum.

Pada tahap input kata seperti yang diperlihatkan dalam representasi fonologi Rajah 4(a.) menunjukkan tingkat suku kata yang diwakili oleh segmen σ , dan tingkat skeletal yang diwakili oleh segmen μ , serta tingkat melodi yang diwakili oleh vokal dan konsonan. Penghubungan setiap tingkat ke tingkat yang lain dilaksanakan dengan mematuhi kekangan


a. Input: /miwza:n/ مَوْزَان




b. Pengguguran geluncuran



c. Pemanjangan vokal



d. Output



Representasi fonetik: [mĩ:zɑ:n] مَيْزَان

Rajah 4 Pemonofonangan diftong /iw/ dalam perkataan /miwza:n/ مَوْزَان

kepuanaan bentuk (WFC) yang mensyaratkan garis penghubung tidak boleh bersilang.

Vokal tinggi /i/ dan vokal panjang /a:/ di tingkat melodi dihubungkan ke nodus mora di tingkat skeletal dan seterusnya ke nodus suku kata di tingkat suku kata yang diwakili oleh segmen σ dan ditandai dengan garis penghubung.

Konsonan nasal /m/ dan konsonan /z/ yang berada pada posisi kiri vokal di tingkat melodi dihubungkan ke nodus suku kata di tingkat suku kata yang ditandai dengan garis penghubung. Konsonan nasal /m/ dihubungkan ke nodus suku kata yang sama dengan vokal tinggi /i/, manakala konsonan /z/ dihubungkan ke nodus suku kata yang sama dengan vokal panjang /a /.

Bunyi geluncuran /w/ di tingkat melodi dihubungkan ke nodus mora di tingkat skeletal dan seterusnya ke nodus suku kata yang sama dengan konsonan nasal /m/ dan vokal tinggi /i/ di tingkat suku kata yang ditandai dengan garis penghubung. Bunyi geluncuran /w/ memiliki mora kerana berada pada posisi koda bagi suku kata berat yang berpola /KVK/ menurut bebanan suku kata.

Konsonan nasal /n/ yang berada pada posisi akhir dalam urutan segmen di tingkat melodi dinisbahkan kepada suku kata ekstrametrikal melalui pemetaan ke tingkat suku kata yang diwakili oleh segmen (σ).

Bunyi geluncuran /w/ yang berada pada posisi koda suku kata pertama perlu digugurkan bertujuan untuk memisahkan rangkap diftong /iw/ yang tidak dibenarkan wujud dalam representasi fonetik bahasa Arab seperti representasi fonologi dalam Rajah 4(b.).

Akibat daripada pengguguran bunyi geluncuran /w/ tersebut menyebabkan mora yang dimiliki oleh geluncuran /w/ yang digugurkan terapung tanpa dipetakan pada mana-mana segmen di tingkat melodi. Keadaan ini menyebabkan vokal tinggi /i/ yang mendahului bunyi geluncuran /w/ yang digugurkan dipetakan ke nodus mora yang terapung, maka pemetaan vokal di tingkat melodi kedua nodus mora di tingkat skeletal merepresentasikan vokal panjang, oleh itu terhasil vokal panjang [i:] melalui proses pemanjangan vokal.

Pemanjangan vokal yang terhasil akibat daripada pelaksanaan proses fonologi lain, iaitu merujuk pelaksanaan pengguguran geluncuran /w/ terlebih dahulu dikategorikan sebagai pemanjangan kompensatori.


Pelaksanaan proses fonologi terhadap input kata memberikan kesan kepada struktur suku kata yang pertama, yang asalnya merupakan suku kata berat tertutup yang berpola /KVK/ berubah kepada suku kata berat

terbuka yang berpola [KV:]. Walaupun begitu, perubahan tersebut tidak mengubah bilangan suku kata, mahupun bilangan mora bagi struktur suku kata pertama.


Analisis 4

Pemanjangan vokal berlaku terhadap perkataan yang mengandungi urutan konsonan yang diikuti oleh bunyi geluncuran /w/ atau /j/, dalam keadaan bunyi geluncuran tersebut diikuti oleh vokal dapat direpresentasikan dengan mengadaptasi fonologi mora yang dapat diperturunkan seperti Rajah 5.


a. Input: /maq^uwam/ مَقْوَم




b. Pengguguran geluncuran




c. Penyahhubungan koda



d. Pembentukan onset dan pemanjangan vokal



e. Output



Representasi fonetik: [māqɑ:m] مَقَام

Rajah 5 Pemanjangan vokal bagi urutan segmen /wa/ dalam perkataan /maqwam/ مَقَوِّم.

Representasi fonologi Rajah 5 menunjukkan proses fonologi yang berlaku terhadap input kata /maqwam/ مَقَوِّم kepada output kata sehingga menghasilkan representasi fonetik [māqɑ:m] مَقَام. Representasi fonologi dalam Rajah 5 tidak hanya dihadkan kepada urutan segmen /wa/ sahaja, namun merangkumi urutan segmen /ja/, /wi/, /ji/ dan /wu/ dalam input kata bagi golongan kata nama dan kata kerja kepada vokal panjang [a:], [i:] dan [u:] seperti yang diketengahkan dalam senarai data (4) pada bahagian generalisasi umum.

Representasi fonologi dalam Rajah 5(a.) memperlihatkan penghubungan vokal rendah /a/ di tingkat melodi ke nodus mora di tingkat skeletal yang diwakili oleh segmen μ , dan seterusnya dihubungkan ke nodus suku kata di tingkat suku kata yang diwakili oleh segmen σ .

Konsonan nasal /m/ dan bunyi geluncuran /w/ yang berada pada posisi kiri vokal di tingkat melodi dihubungkan secara terus ke nodus suku kata di tingkat suku kata yang ditandai dengan garis penghubung. Konsonan nasal /m/ dihubungkan ke nodus suku kata yang sama dengan vokal rendah /a/ yang mengikutinya, manakala bunyi geluncuran /w/ dihubungkan ke nodus suku kata yang sama dengan vokal rendah /a/ yang mengikutinya.

Konsonan /q/ di tingkat melodi dihubungkan ke nodus mora di tingkat skeletal dan seterusnya ke nodus suku kata di tingkat suku kata yang ditandai dengan garis penghubung. Konsonan /q/ dihubungkan ke nodus suku kata yang sama dengan konsonan nasal /m/ dan vokal rendah /a/ yang mengikutinya. Konsonan tersebut memiliki mora berdasarkan pemberatan melalui posisi, iaitu berada pada posisi koda suku kata bagi suku kata berat yang berpola /KVK/.

Konsonan nasal /m/ yang terdapat pada akhir urutan segmen di tingkat melodi dinisbahkan kepada suku kata ekstrametrikal. Oleh itu, konsonan tersebut dipetakan ke nodus suku kata yang diwakili oleh segmen (σ) seperti yang diperlihatkan dalam representasi fonologi pada Rajah 5(a.) hingga 5 (e.).

Setelah itu, berlakunya proses pengguguran bunyi geluncuran /w/ yang berada pada posisi onset suku kata kedua seperti yang dipaparkan dalam representasi fonologi pada Rajah 5(b.). Pengguguran bunyi geluncuran yang berlaku didorong oleh sistem fonologi bahasa Arab yang tidak membenarkan bunyi geluncuran /w/ dan /j/ berada pada posisi onset bagi golongan kata nama dan kata kerja yang membentuk urutan /KGV/, iaitu konsonan yang diikuti oleh geluncuran dan geluncuran diikuti oleh vokal.

Proses pengguguran bunyi geluncuran /w/ menyebabkan suku kata kedua tidak memiliki onset, manakala struktur suku kata bahasa Arab tidak membenarkan kewujudan suku kata tanpa onset, di samping onset suku kata digantikan dengan vokal rendah /a/ yang menduduki posisi nukleus suku kata kedua.

Oleh itu, untuk mengembalikan onset suku kata, konsonan /q/ yang berada pada posisi koda bagi suku kata pertama dinyahhubungkan daripada posisi koda, maka berlaku pengapungan mora dan konsonan /q/ tidak dihubungkan kepada mana-mana tingkat representasi fonologi seperti yang diperlihatkan dalam Rajah 5 (c.).

Untuk mewujudkan struktur suku kata yang menepati sistem fonologi bahasa Arab dan bagi mematuhi Prinsip Pematuhan Onset Minimal (*Minimal Onset Satisfaction Principle*) yang tidak membenarkan kewujudan suku kata tanpa onset dan pembinaan onset mestilah disempurnakan terlebih dahulu daripada pembentukan koda (Roca, 1994, p. 145). Oleh itu, konsonan /q/ yang tidak dipetakan kepada mana-mana segmen dihubungkan ke nodus suku kata kedua melalui proses pembentukan onset serentak dengan proses pemanjangan vokal rendah /a/ seperti dalam representasi fonologi Rajah 5(d.).

Proses pemanjangan vokal terhasil daripada mora yang dimiliki oleh posisi koda suku kata pertama dihubungkan dengan vokal rendah /a/ yang berada pada posisi nukleus suku kata kedua melalui pemetaan dari kanan ke kiri. Proses pemanjangan ini dikategorikan sebagai proses pemanjangan kompensatori kerana terhasil akibat daripada pelaksanaan proses fonologi lain terlebih dahulu yang merujuk proses pengguguran geluncuran /w/ yang bertujuan untuk mengelak berlakunya pengapungan mora.

Pelaksanaan proses fonologi terhadap input kata telah memberikan kesan kepada struktur suku kata pertama yang asalnya merupakan suku kata berat yang berpola /KVK/ berubah kepada suku kata ringan yang berpola [KV]. Di samping itu, berlakunya pengurangan bilangan unit mora daripada dua unit kepada satu unit mora pada tahap output kata. Struktur suku kata kedua juga turut terkesan dengan pelaksanaan proses fonologi dengan berlakunya penambahan unit mora pada tahap output kata daripada satu unit mora kepada dua unit mora. Hal ini terjadi kerana vokal panjang merupakan vokal yang berdwihubungan yang didominasi oleh satu suku kata yang sama dan direpresentasikan dengan pemilikan dua unit mora dalam representasi fonologi. Oleh itu, terhasilnya output kata [mäqɑ:m] hasil daripada pelaksanaan proses fonologi.

RUMUSAN

Secara keseluruhan analisis terhadap keseluruhan perkataan yang diwakilkan, perubahan yang telah diketengahkan merupakan perubahan fonem kepada vokal panjang. Namun begitu, dalam kosa kata bahasa Melayu, kesemua struktur vokal panjang diubah menjadi vokal pendek bagi disesuaikan dengan sistem fonologi bahasa Melayu yang tidak memiliki vokal panjang dalam inventori vokalnya. Oleh itu, vokal panjang yang terdapat dalam bahasa Arab dipendekkan dalam kata pinjaman Arab seperti yang diketengahkan dalam Jadual 1. Menurut Zaharani et al. (2011, p. 115), penggolongan kata pinjaman penyerapan separa (*partially-integrated* loan-words) yang diketengahkan oleh Repetti (1993) bermaksud bahasa peminjam melakukan modifikasi fonologi terhadap fonem asing dan menggantikannya dengan fonem natif yang paling hampir. Bertepatan dengan vokal panjang yang dipendekkan dalam kata pinjaman Arab.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis terhadap bahasa atau perkataan Arab sebelum dipinjamkan kepada bahasa Melayu berlaku perubahan bunyi yang dikenali sebagai proses *i'laal*. Kajian ini memanfaatkan kerangka teoritis fonologi mora dengan penelitian terhadap data sekunder yang diambil daripada kamus *Mu'jam Mufradāt al-Ibdāl wa al-i'laal fī al-Quran al-Karīm*. Penelitian difokuskan pada proses pemanjangan dan didapati perubahan yang berlaku ialah perubahan fonem kepada vokal panjang. Bentuk ini kemudiannya disesuaikan dengan sistem fonologi bahasa Melayu yang tidak mempunyai vokal panjang dalam inventori vokal kepada vokal pendek.

Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada penjelasan yang lebih terperinci dalam kamus yang mengkhususkan kepada aspek etimologi kata. Melalui hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian ini, diharapkan dapat memberikan pengetahuan baharu bagi penutur dan pengguna bahasa Melayu yang belum mengetahui asal usul kata pinjaman khususnya bagi kata pinjaman bahasa Arab yang dilihat dari aspek fonologi.

RUJUKAN

- ‘Abd Al-‘Alim Ibrahim. (1969). *Taysīr al-i'laal wa al-Ibdāl*. Al-Qāhirat: Dār Gharīb.
- ‘Abd Al-Maqṣūd Muḥammad ‘Abd Al-Maqṣūd. (2006). *Dirāsaṭ al-bunyaṭ al-Ṣarfīyyaṭ fī daw’ al-lisāniyyat al-waṣfīyyaṭ* (1st ed.). Al-Dār al-‘Arabiyyaṭ Li al-Mawsū‘aṭ, Bayrūt, Lubnan.
- Al-Kharrāt, A. M. (1989). *Mu'jam mufradāt al-ibdāl wa al-i'laal fī al-Qur’ān al-Karīm* (1st ed.). Damascus: Dār al-Qalam.
- Al-Qahtani, M. (2014). *Syllable Structure and Related Processes in Optimality Theory: an Examination of Najdi Arabic* (Unpublished Doctoral thesis in Linguistics), Newcastle University.
- Aquil, R. (2013). Cairne Arabic syllable structure though different phonological theories. *Open Journal of Modern Linguistics*, 3(3), 259-267. doi: <http://dx.doi.org/10.4236/ojml.2013.33034>
- Altakhaineh, A. R. M., & Alshamari, M. R. (2016). A re-examination of al-i’laal in Arabic: An autosegmental approach. *Advances in Language and Literary Studies*, 7(6), 1-8. doi: Doi:10.7575/aiac.all.s.v.7n.6p.1.
- al-Astirābādhiy. (1982). *Syarḥ Syāfiyaṭ ibn al-Ḥāḥib*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyaṭ.

- Chong Mun Wah. (1997). *Kamus etimologi bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti SDN. BHD.
- Clements, G. N., & Keyser, S. J. (1983). *CV phonology a generative theory of the syllable*. United States of America: The MIT Press Cambridge.
- Dewan Bahasa dan Pustaka <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/>
- Goldsmith, J. A. (1976). *Autosegmental phonology* (Unpublished doctoral thesis). Massachusetts Institute of Technology.
- Hayes, B. (1989). Compensatory lengthening in moraic phonology. *Linguistic Inquiry*, 20(2), 253-306.
<http://corpus.quran.com/>
- Jawatankuasa Istilah Bahasa dan Kesusasteraan Arab. (1996). *Glosari bahasa dan kesusasteraan Arab bahasa Arab-huraian-bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kiraz, G. A. (1994). *Computational analyses of Arabic morphology*. Computer Laboratory, University of Cambridge.
- Lecerf, J. (1974). L'accent de mot en Arabe d'orient. A. Caquot and D. Cohen, (eds.), *Actes du premier congrès international de linguistique sémitique et chamito-sémitique*. Mouton, The Hague.
- Mayhūbī, A.-S. (2000). al-Maqṭa' al-ṣawṭiy wa binyāṭ al-kalimat. *Majallat al-'Ulūm al-Insāniyyat, Jāmi'at Mantūrī Qasāṭiniyyat*, 14, 167-177.
- McCarthy, J. J. (1979). On stress and syllabification. *Linguistic Inquiry*, 10(3), 443-465.
- Mohd Alwee Yusoff & Mohamad Azrien Mohamed Adnan. (2009). Perkataan Arab dalam bahasa Melayu: Satu tinjauan dari aspek morfologi. *Jurnal Usuluddin*, 30, 305-324.
- Mohd Hazri Zakaria, Che Radiah Mezah & Muhd Zulkifli Ismail. (2017). Penggunaan kata pinjaman Arab dalam puisi bahasa Melayu. *Jurnal Kemanusiaan*, 15(1), 69-74.
- Mohd Zulkifli Mohd Saman @ Shuhaimi, Ab. Halim Mohamad & Che Radiah Mezah. (2016). Implikasi perubahan ejaan kata pinjaman Arab dalam sistem tulisan Jawi terhadap pelajar. *Jurnal AL-ANWAR*, 2(2), 23-47.
- al-Munazzamat al-'Arabīyyat li al-Tarbīyyat wa al-Thaqāfat wa al-'Ulūm. (1988). *al-Mu'jam al-'Arabīy al-asāsīy* (1st ed.). Paris: Lārūs.
- Noor Azlina Zaidan, Muhammad Azhar Zailaini & Wail Muin Ismail. (2015). Absorption of Arabic words in Malay language. *OIDA International Journal of Sustainable Development*, 8(3), 51-58.

- Nurul Asyikhin Mohd Hanafiah. (2010). *I'la:l dan ibda:l dalam pembentukan kata bahasa Arab* (Tesis Ijazah Sarjana tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Repetti, L. (1993). The integration of foreign loans in the phonology of Italian. *Italica*, 70 (2), 182–96.
- Roca, I. (1994). *Generative phonology* (R. Hudson ed. 1st ed.). New Fetter Lane, London: Routledge.
- Rubbā', M. (2000). Al-Nizām Al-Maqṭa'īy Wa Hamzaṭ Al-Waṣl Fī Al-'Arabīyyaṭ. *Majallaṭ al-'Ulūm al-Insānīyyaṭ, Jāmi'at Manfūrī Qasānīnīyyaṭ*, 13, 159-181.
- Syāhīn, 'Abd Al-Ṣabūr. (1980). *Al-Manhaj Al-Ṣawṭīy Li al-Bunyaṭ Al-'Arabīyyaṭ Ru'yaṭ Jadīdaṭ Fī Al-Ṣarf Al-'Arabīy*. Bayrūt: Mu'assasaṭ Al-Risālaṭ.
- Watson, J. C. E. (2011). *Word stress in Arabic the Blackwell companion to phonology*. Wiley-Blackwell.
- Ya'īsy, I. (t.t). *Syarḥ al-mufaṣṣal*. Bayrūt, 'Ālim al-Kutub.
- Zaharani Ahmad, Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin. (2011). Penyerapan dan pengubahsuaian konsonan Arab dalam bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 11(1), 109-130.
- Zaharani Ahmad & Teoh Boon Seong. (2006). *Fonologi autosegmental: Penerapannya pada bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Diperoleh (*received*): 31 Disember 2018

Diterima (*accepted*): 12 Mac 2019